



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI**

**Y.B. TIMBALAN MENTERI**

**Y.BHG. KSU**

**Y.BHG. TKSU (PDN)**

**Y.BHG. TKSU (PUP)**

**SETIAUSAHA AKHBAR**

---

---

**16 NOVEMBER 2021 (SELASA)**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(KPDNHEP)**

---

**16 NOVEMBER 2021 (SELASA)**

## BUY MALAYSIA CAMPAIGN A BOON TO LOCAL SELLERS

By R. SEKARAN  
 rsekaran@thestar.com.my

Pandemic did not dampen sales performance, says ministry

**LANGKAWI:** Local producers recorded substantial earnings under the Buy Malaysia campaign, as sales amounted to RM3.3bil in 2020 with an expected 2.5% increase in volume this year.

The campaign's performance is also a testament to how quickly Malaysians embrace online shopping.

"We scored a sales revenue of RM2.87bil in 2019 with online marketing portals contributing RM6.84mil, and RM3.3bil last year with online portal business increasing to RM145mil," said Deputy Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Rosol Wahid.

This was achieved despite the Covid-19 pandemic and movement control restrictions last year, he added.

"Although there is less than two months left this year, it is timely to launch the campaign again now and we are confident that it will be well received by traders and companies.

"We are optimistic of a strong showing this year, with the RM20mil allocation in Budget 2022 to jumpstart the industry and increase competition in the domestic trade sector," said Rosol, who represented Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi when launching the Buy Malaysia campaign at Dataran Cenang here on Saturday.

Rosol said that with the strategic partnership between the ministry and supporting partners in implementing the Buy Malaysia campaign, it is evident the cooperation will be the catalyst to revive the country's economy.

"This partnership is essential to reviving and increasing the retail trade sector to register substantial growth this year.

"The Buy Malaysia campaign logo should be a mark of prestige which traders can leverage on for their branding and increase their brand trust for locally produced products.

"The campaign has gained ground with more strategic partners coming on board such as Aeon Big, Aeon Co, Giant, Mydin, 99 Supermart, The Store, Hero Supermarket, KK Supermarket, Eco-Shop and online marketplaces such as Shopee, Lazada and PgMall," Rosol pointed out.

He said the carnival from Nov 11-14 had 20 micro entrepreneurs and small and medium enterprises displaying various products at their booths, especially from Kedah.

"This campaign is nothing new. It has been carried out since 1984 and has become a trademark of our ministry.

"We understand the impact of the pandemic on the livelihood of consumers. As such, under the campaign this year, local products are being offered to customers at very attractive prices.

"The presence of industry players, entrepreneurs, local manufacturers and the media with government agencies has created a close synergy and cooperation reflecting the Malaysian Family concept in the production of local products," added Rosol.

By definition, Malaysian products are items which are manufactured locally and contain at least 51% local materials.



A vendor explaining her products to Rosol when the deputy minister toured the Buy Malaysia sales gallery in Langkawi. - LIM BENG TATT / The Star



Rosol (middle) and (from left) Kedah state executive councillor Romani Wan Salim, Kedah state assembly speaker Juhari Bulat, ministry secretary-general Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad and deputy secretary general (domestic trade development) Datuk Roziah Abudin at the launch of the Buy Malaysia campaign in Langkawi on Nov 13.

## Peniaga mengeluh bekalan minyak masak paket kurang

**ALOR SETAR:** Peniaga runcit di sekitar bandar raya ini mengeluh kerana bekalan minyak masak paket semakin berkurangan di pasaran.

Ini menyebabkan pelanggan terpaksa ke daerah lain untuk mendapatkan bekalan bahan masakan tersebut.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di beberapa kedai di sini mendapati, peniaga terpaksa melakukan catuan untuk pelanggan mereka berikutan bekalan minyak masak yang terhad.

Peniaga, Mohd. Asrul Ahmad, 61, berkata, masalah kekurangan bekalan minyak masak berlaku sejak dua minggu lalu.

Katanya, keadaan tersebut menyebabkan pihak pemborong terpaksa mengurangkan jumlah tempahan minyak masak yang dibuat sebelum ini.

"Sebelum ini, saya akan membeli minyak masak paket sebanyak 400 kilogram (kg) setiap minggu daripada pemborong.

"Bagaimanapun sejak dua minggu lalu pemborong hanya membekalkannya sebanyak 200kg sahaja dan ini menyebab-

kan saya terpaksa mencatu bekalan minyak itu kepada pelanggan," katanya di sini semalam.

Menurut Mohd. Asrul, masalah kekurangan bekalan minyak masak itu berlaku sejak dibenarkan rentas negeri dan orang ramai mula membuat majlis perkahwinan.

Seorang lagi peniaga, Mohd. Romli Arshad, 52, berkata, semenjak bekalan minyak masak paket itu berkurangan didapati ramai pelanggannya terpaksa ke luar daerah untuk mendapatkan bekalan bahan masak tersebut.

"Saya difahamkan ramai pelanggan saya terutamanya yang berniaga kuih terpaksa membelinya walaupun ada pemborong yang menjualnya RM2.70 sekilogram berbanding harga kawalan RM2.50 sekilogram, namun mereka tiada pilihan dan terpaksa membelinya untuk berniaga.

"Saya berharap pihak kerajaan memandang serius isu ini dengan turun padang dan memantau harga daripada pembekal atau kilang supaya masalah itu tidak berlarutan lebih lama lagi," katanya.





# 'Susahnya dapat minyak masak paket'

Penduduk di Alor Setar terpaksa ke daerah lain bagi mendapatkan bekalan minyak itu

Oleh WAN MOHD NOOR HAFIZ WAN MANSOR

ALOR SETAR

**B**ekalan minyak masak paket didapati berkurangan sejak dua minggu lalu di sekitar bandar raya Alor Setar sehingga menyebabkan orang ramai terpaksa ke daerah lain untuk mendapatkannya.

Pengerusi Pemantau Persatuan Pengguna Negeri Kedah (Cape), Mohd Fauzi Sharip berkata, pihaknya sudah turun padang bagi meninjau masalah itu selepas mendapat aduan daripada peniaga.

Menurut Mohd Fauzi, pihak-

nya menasihati orang ramai agar membeli untuk keperluan sahaja dan bukannya secara pukal bagi mengelakkan pembelian panik dalam kalangan pengguna.

"Bagaimanapun, Cape akan menghubungi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk berbincang supaya masalah kekurangan minyak masak ini dapat diatasi dengan segera.

"Sebelum ini, kementerian telah mengarahkan agar pelanggan hanya boleh membeli sebanyak dua paket minyak masak semasa keadaan stabil. Bagaimanapun dengan keadaan sekarang, pekedai hanya mampu menjual satu paket minyak masak kepada pelanggan," katanya kepada pemberita selepas ditemui di Pasar Besar Alor Setar pada Isnin.

Sementara itu, seorang peniaga, Mohd Romli Arshad, 52, berkata, ramai pelanggannya seperti peniaga kuih dan pisang



Mohd Fauzi menunjukkan minyak masak paket yang dijual terhad satu paket sahaja kepada seorang pelanggan di Pasar Besar Alor Setar pada Isnin.

goreng terpaksa ke daerah lain untuk mendapatkan bekalan minyak masak paket.

Menurutnya, ada pemborong yang menjualnya pada harga

RM2.70 satu paket berbanding harga yang dibenarkan iaitu RM2.50 namun peniaga tiada pilihan dan terpaksa membelinya kerana menjadi satu keperluan

untuk berniaga.

"Saya harap kerajaan memandang serius isu ini dengan turun padang dan memantau harga daripada pembekal atau kilang supaya masalah itu tidak berlarutan lebih lama," katanya.

Seorang lagi peniaga, Mohd Asrul Ahmad, 61, berkata, pemborong telah memotong separuh daripada pesannya sejak dua minggu lalu kerana difahamkan bekalan minyak masak paket yang dihantar oleh kilang telah berkurangan.

"Sebelum ini saya akan membeli 400 paket minyak masak subsidi ini setiap minggu daripada pemborong namun sejak dua minggu lalu, saya hanya mendapat 200 paket dan saya terpaksa mencatu bekalan minyak masak paket ini.

"Kami terpaksa catu untuk jualan dan kadang-kadang ramai peniaga kuih yang tidak berpuas hati kerana mereka sangat perlukan minyak masak paket ini untuk perniagaan mereka," ujarnya.



MOHD. FAUZI menunjukkan minyak masak peket yang semakin berkurangan di kedai sekitar Alor Setar semalam.

## Minyak masak peket kurang, seorang dapat satu sahaja

**ALOR SETAR** – Peniaga kedai runcit di sekitar bandar raya ini mengeluh selepas bekalan minyak masak peket semakin berkurangan sehingga menyebabkan pelanggan terpaksa mencari bahan masakan itu di daerah lain.

Tinjauan *Kosmo!* di beberapa buah kedai mendapati peniaga terpaksa melakukan catuan dengan seorang pelanggan hanya boleh membeli satu peket berbanding dua sebelum ini.

Seorang peniaga, Mohd. Asrul Ahmad, 61, berkata, sebelum ini dia mendapat bekalan 400 kilogram (kg) minyak masak peket setiap minggu daripada pemborong.

"Bagaimanapun sejak dua minggu lalu pemborong hanya memberi 200kg sahaja dan situasi menyebabkan saya terpaksa

mencatu bekalan kepada pelanggan," katanya di sini semalam.

Bercerita lanjut, Mohd. Asrul berkata, masalah bekalan minyak masak peket berlaku sejak orang ramai dibenarkan rentas negeri dan mula membuat majlis perkahwinan.

Luahan sama turut disuarakan seorang lagi peniaga, Mohd. Romli Arshad, 52, yang memaklumkan ramai pelanggannya terpaksa ke luar daerah untuk mendapatkan bekalan bahan masak tersebut.

"Saya difahamkan ramai pelanggan terutama yang berniaga kuih-muih dan goreng pisang terpaksa membeli minyak masak pada harga RM2.70 sekilogram berbanding harga kawalan RM2.50 sekilogram.

"Mereka tiada pilihan dan ter-

paksa membelinya untuk kegunaan berniaga," ujarnya.

Sehubungan itu, dia berharap pihak kerajaan memandang serius perkara itu dengan turun padang memantau harga daripada pembekal atau kilang supaya masalah berkenaan tidak berlarutan lebih lama.

Sementara itu, Pengerusi Pemantau Persatuan Pengguna Negeri Kedah (Cape), Mohd. Fauzi Sharip berharap orang ramai membeli minyak masak peket mengikut keperluan supaya tidak menimbulkan belian panik dalam kalangan pengguna.

"Kami akan mengadakan perbincangan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-NHEP) bagi mengatasi masalah minyak masak peket ini," ujarnya.

Senarai Harga Barang Keperluan	
• Ayam	RM6.49
• Daging Lembu Tempatan	RM35
• Daging Lembu Import	RM15.50
• Telur Gred A	RM11.40
• Ikan Kembung	RM10.99
• Minyak Masak	RM6.40
• Gula Pasir	RM2.85
• Bawang Besar Holland	RM2.99
• Bawang Putih	RM5.50
• Cili Merah	RM11.99
• Kubis Bulat Tempatan	RM4
• Tepung Gandum	RM2.19

\*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP